




BUKTI HANG TUAH BUKAN DONGENGAN

■ Pengkaji temui dalam buku 'Notes of Leonardo da Vinci' dan dokumen rasmi Rekidai Hoan di Jepun

Dr Hashim bersama Dr Rohaidah menunjukkan buku mengenai Hang Tuah.



Myawati Nur
mohdysawatinur@gmail.com

Manuskrif Hang Tuah menjadi rujukan dalam membuktikan pahlawan itu benar-benar wujud dan pernah mengembara hampir ke seluruh dunia dalam mencari ilmu selain sebagai duta kepada kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

Itu artinya, manuskrip berkenaan kemungkinan masih disimpan di negara tersebut dan kemungkinan banyak lagi bahan sejarah berkaitan yang belum ditemui sehingga kini.

Pengkaji sejarah negara menceritakan kelibatan dalam mencari, mengkaji dan menafikan manuskrip

berkenaan untuk tatapan gemilang akan datang, sekali pun mungkin alah wazan bahasa kewujudan Hang Tuah hanya dongeng semata-mata.

Catatan di dalam buku 'Notes of Leonardo da Vinci' mengenai pertemuan antara Da Vinci, pelukis potret tersohor Mona Lisa, dengan Hang Tuah antara 1503 hingga 1506 memberi sinar dalam mencari titik noktah kepada kewujudan pahlawan itu.

Dalam catatan itu, lapor akhbar itu lagi, da Vinci menulis, "Saya melihat kedatangan selengkap bertumpu dengan orang kaya Melaka," dan perkataan selepas itu tidak jelas sama ada disebut laksamana atau Hang Tuah.

Pertemuan terbaru itu

didapatkan Perisyaah Rakan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Rohaidah Kamaruddin.

Profesor Linguistik Melayu dari fakulti sains, Prof Emeritus Dr Hashim Musa pula dilaporkan berkata, surat tulisan Hang Tuah kepada Maharaja Ryukyu di Jepun pada abad ke-15 ditemui dalam dokumen rasmi Rekidai Hoan.

Hashim yang bertugas di jabatan yang sama di UPM berkata, surat itu ditulis Hang Tuah bagi pihak Sultan Melaka Sultan Alauddin Riayat Shah.

Beliau mengungkap surat pahlawan terbilang



itu bertarikh 11 April 1480 melalui kaper yang dilakukannya bersama Rekidai di Ryukyu kini dikenali sebagai Okinawa.

"Dokumen Rekidai Hoan itu dalam bahasa Cina yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Anshu Kibata dan Mitsugi Masuda, ia diterbitkan pada 1967," katanya.

Pasukan penyelidik UPM yang diketuai Dr Rohaidah juga berunding menerangkan kajian ke arah itu, Turki untuk membuat kajian manuskrip berkaitan Melayu itu yang terdapat di negara

berkenaan: "Saya ditahankan tiala pihak terasama pengkaji sejarah melihat semuanya mengenai manuskrip berkenaan walaupun ia diterbitkan dalam Hikayat Hang Tuah."

"Manuskrip itu menceritakan mengenai Hang Tuah sebagai wakil sultan datang ke negara itu ketika pemerintahan Sultan Muhammad Al Fateh."

"Malah, ada juga bukti yang mengatakan anak pemerintahan Sultan Muhammad Al Fateh berkahwin dengan Sultan Alauddin

bagi memperkukuhkan hubungan kedua-dua kerajaan," katanya.

Rohaidah sebelum itu ke Goa, India untuk meninjau sendiri beberapa artikel milik Kesultanan Melayu Melaka yang dibawa Purneg selepas menewaskan kerajaan Melayu itu.

Laksmadua Hang Tuah sudah membuktikan keahliannya di India menerusi persembaan manuskrip yang terdapat di Sri Jaya yang menceritakan kehebatan pahlawan itu menjadikan londa milik Raja Malika Arjuna Raya pada 1424.

MANUSKRIP mengenai Hang Tuah yang disimpan di Perpustakaan Negara.

“Catatan di dalam buku 'Notes of Leonardo da Vinci' mengenai pertemuan antara Da Vinci, pelukis potret tersohor Mona Lisa, dengan Hang Tuah antara 1503 hingga 1506 memberi sinar dalam mencari titik noktah kepada kewujudan pahlawan itu.”
Dr Rohaidah